

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: MAJLIS PERHIMPUNAN HARI BELIA NEGARA 1991 DAN PELANCARAN  
PROGRAM INDUK BELIA NEGARA

TEMPAT: STADIUM KUBU, MELAKA

TARIKH: 31 MAY 1991

MASA:

Assalamualaikum warahamtullahi wabarakatuh.

Selamat pagi dan salam sejahtera.

Yang Amat Berhormat Tan Sri Abd. Rahim Thamby Chik,  
Ketua Menteri Melaka

Yang Berbahagia Senator Annuar Musa,

Menteri Belia dan Sukan, Malaysia;

Tuan-tuan dan puan-puan;

Saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian belia dan Sukan dan Majlis Belia Malaysia kerana menjemput saya ke Majlis Perhimpunan Hari Belia Negara dan Pelancaran Program Induk Belia Negara pada pagi yang berbahagia ini.

2. Perhimpunan ini mempunyai satu pengertian yang penuh bersejarah dan bermakna khasnya kepada masyarakat belia iaitu golongan generasi yang akan mewarisi dan meneruskan perjuangan untuk pembangunan bangsa dan negara di masa-masa akan datang.

3. Pemilihan negeri Melaka sebagai tempat perhimpunan ini sudah kena pada tempatnya kerana Melaka merupakan negeri bersejarah. Justeru itu marilah kita merenung kembali detik-detik sejarah perjuangan bangsa dan negara kita dalam mencapai kemerdekaan. Sejarah perjuangan ini bukanlah perkara mudah untuk dilupai. Saya berharap generasi muda hari ini mestilah mengetahui dan memahami bagaimana pengorbanan yang besar yang telah diberikan oleh para pemimpin dan para pejuang bangsa untuk memerdekakan negara kita dari belenggu penjajah.

4. Tetapi persoalan yang besar harus difikirkan oleh generasi muda hari ini ialah adakah kejayaan yang kita capai ini sudah mencukupi? Adakah generasi muda hari ini sudah bersedia untuk meneruskan perjuangan untuk membangun negara dengan lebih cemerlang lagi? Adakah generasi belia sudah matang untuk mengambil alih pucuk pimpinan negara masa akan datang?

5. Inilah persoalan-persoalan yang harus difikirkan oleh generasi muda hari ini jika mahu melihat kejayaan Malaysia lebih cemerlang lagi.

Tuan-tuan dan puan-puan,

6. Semenjak negara mencapai kemerdekaan, dengan masa yang singkat, negara kita telah mencapai kejayaan yang cemerlang dan kini Malaysia dianggap sebagai sebuah negara yang membangun. Pencapaian kemajuan negara ini adalah hasil kerjasama semua pihak yang bersungguh-sungguh untuk memajukan negara. Di samping itu, kestabilan politik, ekonomi dan perpaduan serta kerjasama di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum juga telah memberi kesan yang bermakna kepada kesejahteraan negara. Banyak dasar-dasar kerajaan telah dapat dilaksanakan dengan jayanya dan memberi kesan yang berfaedah kepada semua masyarakat.

7. Di atas kejayaan-kejayaan yang dicapai itu, telah menyakinkan kita semua bahawa potensi pembangunan negara kita di masa-masa akan datang begitu cerah. Keadaan ini jelas dilihat iaitu pada tahun ini pertumbuhan ekonomi negara dijangka terus berkembang dan menggalakkan. Sumbangan pelaburan swasta terutama pelaburan asing juga dijangka meningkat tahun ini. Keadaan ini telah mencerminkan keyakinan pelabur asing terhadap kestabilan politik dan ekonomi negara. Kini Malaysia akan terus bertapak dan maju sebagai sebuah negara perindustrian.

Tuan-tuan dan puan-puan,

8. Dekad 90-an dan seterusnya merupakan dekad yang lebih mencabar dan berdaya saing. Bagi menghadapi keadaan ini, Malaysia akan terus membina satu strategi gerakan yang lebih mantap, kemaskini dan berfikiran "futuristic" iaitu melihat cabaran dan kedudukan masa depan negara dengan lebih jauh lagi iaitu untuk menjadikan negara Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

9. Yang dimaksudkan maju ini bukanlah semata-mata maju dalam bidang ekonomi tetapi merangkumi bidang politik, sosial, pendidikan dan kebudayaan. Rakyat Malaysia perlu berani menukar falsafah perjuangan. Pemikiran yang positif dan mewujudkan identiti bangsa Malaysia yang lebih dinamik dan progresif.

10. Untuk mencapai cita-cita ini, ia memerlukan rakyat yang bersatu padu, saling faham memahami di antara satu dengan yang lain, komited dan berjiwa patriotik serta sanggup berkorban untuk kemajuan negara.

11. Bagi mencapai matlamat wawasan 2020, kabinet telah meluluskan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) yang menandakan bermulanya satu era baru. RRJP2 ini adalah untuk menggantikan dasar ekonomi baru yang telah tamat tempohnya. Pada dasarnya pelan ini adalah merupakan persediaan untuk mewujudkan negara Malaysia yang maju dan bersatu padu melalui keseimbangan semua bidang pembangunan.

12. Negara kita begitu pesat membangun dalam bidang ekonomi. Hasil daripada ini rakyat Malaysia telah merasai kenikmatan kekayaan hidup yang sejahtera. Bagi memastikan masyarakat tidak begitu ghairah mementingkan kekayaan semata-mata, kita perlulah memperseimbangkan pembangunan

ekonomi dengan pembangunan kemanusiaan atau keperibadian rakyat Malaysia yang lebih sempurna lagi.

13. Jika kita ingin melihat negara kita maju, rakyat Malaysia mesti berani dan mempunyai daya kesungguhan untuk membuat perubahan daripada segi sikap, cara hidup dan cara berfikir. Sistem kepercayaan yang menjadi khayalan dan berunsur negatif perlu dikikis tetapi nilai-nilai yang positif yang telah diamalkan oleh masyarakat, perlu diperkukuhkan seperti gotong royong dan bermuafakat. Kita berasa beruntung di mana rakyat di negara ini terdiri daripada berbilang kaum. Setiap kaum mempunyai kekuatan sistem nilainya. Misalannya kaum Cina terdedah dalam alam perniagaan. Melalui pengalaman dan pendedahan ini telah membentuk tabiat yang lebih gigih dan rajin bekerja.

14. Oleh itu, kerajaan akan memberi penumpuan dalam melaksanakan program-program untuk membina masyarakat ke arah sikap yang positif dan seterusnya melahirkan rakyat Malaysia yang mempunyai nilai-nilai keperibadian yang mulia dan berhemah tinggi yang akan melambangkan budaya dan identiti bangsa Malaysia yang bermaruah. Saya berpendapat maju jayanya sesuatu bangsa itu bergantung besar kepada sistem nilai yang diamalkan. Kalau sistem nilai itu baik, maka berjayalah bangsa itu, sebaliknya kalau sistem nilai itu tidak sesuai, maka bangsa itu tidak akan berjaya walaupun mereka itu pandai atau kuat.

15. Oleh hal yang demikian, saya berharap beberapa kaum yang ada di negara ini harus saling belajar dan mempelajari sistem nilai di antara satu dengan yang lain dan mengenengahkan sistem nilai yang baik supaya dapat diamalkan bersama dan dijadikan sistem nilai bangsa Malaysia.

16. Dalam menghadapi dunia yang penuh mencabar ini, sudah sampailah masanya generasi hari ini perlu kurangkan berfalsafah atau berteori semata-mata, tetapi haruslah mengambil sikap yang lebih matang dan "action-oriented" supaya tindak tanduk itu selari dengan kehendak pembangunan negara. Dengan berfikiran secara begini, akan lahirlah satu generasi yang kreatif dan berani membuat perubahan dan pembaharuan demi kepentingan bangsa dan negara.

17. Bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju dalam bidang perindustrian, kita memerlukan perancangan yang teratur dalam menyediakan sumber manusia yang dinamik, mahir dan komited. Kerajaan akan memberi penekanan dalam bidang latihan yang bertahap tinggi sejajar dengan perkembangan teknologi moden.

18. Satu jawatankuasa kabinet mengenai latihan telah dibentuk dan laporannya sudah siap untuk dibentangkan dalam kabinet. Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat keperluan tenaga manusia mahir dalam industri dan keberkesanan sistem latihan perindustrian yang ada di negara ini. Saya berharap kemudahan peluang-peluang latihan yang disediakan oleh kerajaan ini akan direbuti oleh generasi

belia. Generasi belia yang mempunyai kemahiran sudah pasti mempunyai peluang yang baik untuk bekerja di kilang-kilang yang ada di negara ini.

19. Harapan kerajaan pada jangka panjang bukanlah untuk menjadikan kita bekerja dengan syarikat-syarikat asing semata-mata, tetapi dengan adanya kemahiran teknologi, kepakaran dan pengalaman dalam bidang tertentu, kita mengharapkan mereka ini akan menceburkan diri dalam bidang keusahawanan dan perusahaan sendiri yang akan mengambil alih teraju kepentingan pembangunan ekonomi negara.

Tuan-tuan dan puan-puan,

20. Kebelakangan ini gejala-gejala yang kurang sihat telah melandai generasi muda seperti keruntuhan akhlak, moral dan penagihan dadah. Anak-anak muda telah mulai mengagung-agungkan kebudayaan kuning. Ini merupakan penyakit yang sungguh merbahaya. Jika keadaan ini berterusan ia akan mengugat proses pembangunan negara. Kita tidak mahu membelanjakan begitu banyak wang rakyat kepada memulihkan penyakit ini. Sebaliknya kita mahu membelanjakan wang untuk tujuan pembangunan rakyat sama ada di luar bandar ataupun di bandar-bandar.

21. Justeru itu, saya berharap masyarakat belia harus berfikir lebih matang dalam menghadapi godaan hidup yang penuh mencabar ini. Bagi memastikan penyakit ini tidak dijangkiti dan berleluasa, saya harap pertubuhan-pertubuhan belia yang ada di negara ini memainkan peranan penting dalam menarik lebih ramai belia menyertai pertubuhan belia dan melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang sihat.

22. Saya begitu yakin melalui aktiviti pertubuhan belia, ia akan lebih terkawal di samping dapat mewujudkan semangat integrasi di kalangan mereka. Melalui pertubuhan belia juga akan mudah untuk merencana dan melaksanakan program-program yang berfaedah. Di antara aktiviti yang berfaedah adalah aktiviti pengembaraan.

23. Negara kita, mempunyai alam keindahan semulajadi. Keindahan ini melambangkan kedamaian dan keharmonian penduduknya. Seharusnya generasi belia hendaklah mempunyai semangat "adventurous", iaitu suka mengembara dan melihat keindahan negara sendiri. Ini merupakan aktiviti yang baik di mana ia akan melahirkan pemikiran yang kreatif, sikap bangga terhadap negara sendiri dan badan yang sihat.

24. Kerajaan juga berasa bangga terhadap kesan yang telah dihasilkan oleh pertubuhan-pertubuhan belia di mana telah dapat membantu melahirkan pemimpin-pemimpin yang berpotensi yang akan mengambil alih teraju pucuk pimpinan negara di masa-masa akan datang. Dalam bidang kepimpinan negara, kerajaan sentiasa memberi perhatian dan tempat kepada pemimpin-pemimpin muda untuk menyertai dalam kabinet kerajaan.

25. Oleh hal yang demikian, pemimpin-pemimpin muda haruslah

mempertingkatkan ilmu pengetahuan, pengalaman dan berfikiran matang.

26. Di samping itu saya ingin memberi peringatan kepada pemimpin-pemimpin belia supaya peka terhadap perkembangan dunia hari ini, kerana saya tidak mahu pertumbuhan-pertumbuhan belia dijadikan alat untuk kepentingan pihak-pihak tertentu yang boleh mengancam keselamatan dan kesejahteraan negara.

27. Tetapi saya yakin di atas pengalaman dan pendedahan yang ada di kalangan pemimpin-pemimpin belia telah dapat melahirkan pemimpin yang matang dan bertanggungjawab. Tuan-tuan dan puan-puan,

28. Dalam usaha untuk membangunkan masyarakat belia, bukanlah semata-mata tanggungjawab kerajaan sahaja, tetapi saya harap sektor swasta juga akan tampil ke hadapan untuk memberi sumbangan yang positif dalam membina masyarakat belia.

29. Janganlah hanya memikirkan keuntungan syarikat semata-mata tetapi ia juga mempunyai tanggungjawab yang besar dalam meningkatkan kemahiran pekerja-pekerja di samping memupuk ciri-ciri keperibadian pekerja yang berkualiti, berdisiplin dan bertanggungjawab.

30. Menyentuh tentang program induk belia negara, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Y.B. Senator Annuar Musa, Menteri Belia dan Sukan yang telah dapat memperkenalkan program induk belia negara iaitu bagi membina satu masyarakat belia yang maju dan progresif.

31. Apa yang saya mahukan pelaksanaan program berkenaan hendaklah dirancang dengan teratur dan mengikut ke arah matlamat wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia sebagai negara yang maju.

32. Di samping itu juga saya mengucapkan tahniah di atas peranan majlis belia negara ini di dalam membantu kerajaan membina masyarakat belia ke arah yang bersatu padu.

33. Akhirnya saya mengharapkan perhimpunan ini akan menjadi satu simbol perjuangan yang berterusan di kalangan generasi muda yang akan menerajui kepimpinan negara di masa-masa akan datang. Maju mundurnya negara ini adalah terletak di tangan saudara-saudari. Oleh itu bersama-samalah berusaha untuk mengekalkan kegemilangan Malaysia.

34. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan perhimpunan hari belia negara 1991 dan pelancaran program induk belia negara dengan rasminya. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.